

Mun Yee jamin aktif dalam sukan terjun

Jika sebelum ini dia meluahkan hasrat bersara selepas tamat Sukan Olimpik London, penerjun Leong Mun Yee (**gambar**) bagaimanapun memberi gambaran untuk terus aktif selagi prestasinya masih baik.

“Memang saya kecewa tidak capai impian menang pingat pada penyertaan Olimpik kali keempat. Untuk empat tahun lagi, kalau boleh saya mahu untuk terus mencuba.

“Jika diikutkan prestasi saya di London adalah yang terbaik sejak penyertaan di Olimpik 12 tahun lalu apabila mara ke final,” katanya.



Penerjun veteran berusia 27 tahun itu yang bergandingan dengan Pandelega Rinong dalam 10m platform seirama hanya menduduki tempat ketujuh dengan penyandang juara dunia, Chen Ruolin-Wang Hao dari China, menang emas.

Penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, kini dia mahu menyambung semula pengajian untuk mengimbangi antara latihan persiapan dan pelajaran.